

Buletin



JANUARI - MEI 2021

Pejabat Kampus Lestari
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat
Johor



07-453 7657



sco.uthm.edu.my



Sustainable Campus Office-SCO

PENERBITAN:

Ketua editor

PM. Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir

Editor

Dr. Noor Amira Sarani
Dr. Nur Shaylinda Mohd Zin
PM. Dr. Mohammad Kamil Abdullah
Dr Mohamad Azim Mohammad Azmi
Sr. Dr. Nazirah Mohamad Abdullah
Puan Napisah Basir
Encik Mohd Hafiz Sadiran
Encik Mohd Syarifudin Aris

Grafik

Dr Noor Amira Sarani

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

KALENDAR JANUARI 2021

Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad
			01	02	03	04
05	06	07	08	09	10	11
12	13 Mesyuarat Penyediaan Takwim SCO Tahun 2021	14	15	16	17	18
19 Hebahan Hijau 01/2021	20	21 Perbincangan Persediaan Bengkel Takwim 2021 SCO	22	23	24	25
26 Gotong Royong Di Rumah Kitar Semula	27 Bengkel Penyediaan Takwim 2021	28	29	30	31	

Pembentangan
Laporan Tenaga
Universiti

Hebahan Hijau
02/2021



#SCOgogreen #UTHMgreencampus

HEBAHAN HIJAU 02/2021: JOM JIMAT ELEKTRIK

26
JAN
2021

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

KALENDAR FEBUARI 2021

Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad
			01	02	03 Mesyuarat Persediaan Bagi Kursus Amalan Hijau Di Pejabat	04
05	06	07 Sesi Penerangan & Serah Tugas Pengurus Sustainable Green Pods (SGPs)	08	09	10 Mesyuarat Persediaan Bagi Kursus Amalan Hijau Di Pejabat	11
12	13	14	15	16 Perbincangan Program Jerayawara 2021	17 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pejabat Kampus Lestari Bil. 1/2021	18
19	20	21 Hebahan Hijau 03/2021	22 Taklimat SCO Bersama Jawatankuasa SIO, SECT & SGPs	23 Program Jerayawara 2021 SCO	24	25 Taklimat UTHM Green Box 2021
26	27	28				

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

HEBAHAN HIJAU 03/21: PENGGUNAAN POLISI HIJAU UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

21
APRIL
2021

Hebahan kepada warga universiti berhubung pemakaian polisi hijau yang telah dibangunkan oleh SCO.

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

YBhg. Datuk Prof / Tuan / Puan,

HEBAHAN HIJAU 02/21: PENGGUNAAN POLISI HIJAU UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Pejabat Kampus Lestari (SCO) bersama Jawatankuasa Strategy in Operation (SIO) amat komited untuk membudayakan amalan hijau di UTHM. Selain dengan matlamat tersebut, laman (8) polisi hijau telah dibangunkan bagi memandu pelaksanaan amalan hijau di UTHM dan telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif JKE Bil 6/2020 yang bersidang pada 20 Disember 2020.

3. Justeru itu, sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pelaksana amalan hijau di UTHM, pihak SCO ingin memaklumkan pemakaian polisi hijau ini kepada seluruh warga universiti sebagai mencerminkan komitmen bersama semua dalam menjayakan amalan hijau yang menyeluruh di UTHM. Laman (8) buah Polisi Hijau ini boleh dicapai melalui laman web Pejabat Kampus Lestari seperti pautan berikut: <https://sco.uthm.edu.my/sustainable-policiuthm/>.

Sekian, untuk makluman dan perhatian YBhg. Datuk Prof/Tuan/Puan selanjutnya. Terima kasih.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

Yang benar,

SR. DR. NORALFISHAH BINTI SULAIMAN

Pengarah

Pejabat Kampus Lestari (SCO)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

☎ Samb. 7657

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

TAKLIMAT SCO BERSAMA JAWATANKUASA SIO, SECT & SGPS

**22
FEB
2021**

Taklimat dijalankan secara atas talian untuk memaklumkan kepada semua jawatankuasa di bawah SCO berhubung program/aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 disamping kejayaan yang telah dicapai. Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah SCO.



PROGRAM JERAYAWARA 2021 SCO



Program telah diadakan secara atas talian bagi memberikan maklumat kepada semua PTj berhubung dengan aktiviti/program kelestarian yang telah dijalankan di seluruh kampus UTHM. Turut dimaklumkan juga perancangan SCO bagi tahun 2021.

**23
FEB
2021**

TAKLIMAT UTHM GREEN BOX 2021

**25
FEB
2021**

Taklimat oleh Pengarah Pejabat Kampus Lestari kepada Pusat Kecemerlangan atau Penyelidikan dan Pusat Tanggungjawab berhubung dengan cadangan untuk mewujudkan data aktiviti kelestarian secara berpusat bagi memudahkan capaian data.



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

KALENDAR MAC 2021

Monday	Tuesday	Wednesday	Thursday	Friday	Saturday	Sunday
		Kursus Amalan Hijau Di Pejabat	01	02	03 Hebahan Hijau 04/2021	04 Kemaskini Harga Pembelian Bahan Kitar Semula
05	06	07	08 Majlis Penghargaan & Sesi Serah Tugas Pengarah	09 Kursus Amalan Hijau Di Pejabat	10 Mesyuarat Pemantauan Sustainable Green Pods (SGPs) Bil. 1/2021	11 Perbincangan Aktiviti SCO
12 Hebahan Kempen Pengkomposan Bersama Komuniti	13	14	15 Lawatan Penanda Aras Ke Universiti Malaysia Pahang (UMP)	16	17	18 Hebahan Hijau 05/2021
19	20	21 Penyediaan Poster Penghargaan Staf	22 Mesyuarat Penyelarasan Program Recycling Day @ UTHM	23	24 Penyediaan Poster Recycling Day @ UTHM	25
26	27	28	29 Kempen Penanaman 100 Juta Pokok	30	31	

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

HEBAHAN HIJAU 01/2021: JOM JIMAT AIR

**03
MAC
2021**

Hebahan Hijau : Amalan Hijau telah dihebahkan melalui emel untuk makluman warga universiti.



KEMASKINI HARGA PEMBELIAN BAHAN KITAR SEMULA

**04
MAC
2021**



Kemaskini bulanan dilakukan setelah mendapat harga terkini daripada pihak SWM Enviroment. Untuk makluman,, RPPS telah berjaya mengumpul sebanyak 1373.3 kg barangan kitar semula pada tahun 2020.

MAJLIS PENGHARGAAN & SESI SERAH TUGAS PENGARAH

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Sr. Dr. Noralfishah binti Sulaiman di atas segala jasa bakti sebagai Pengarah SCO.

Semoga dipermudahkan segala urusan dan terus bersama-sama menyokong aktiviti kelestarian kampus.

**08
MAC
2021**



Buletin

JANUARI - MEI 2021


#SCOgogreen #UTHMgreencampus

RPPS BERJAYA KUMPUL 1,373.3 KILOGRAM BARANGAN KITAR SEMULA PADA TAHUN 2020

Think outside the trash. Lets recycle at RPPS UTHM

Sedikit perkongsian tentang jumlah kutipan barangan kitar semula daripada Dr Roslinda Ali (SIO Sisa dan Kitar Semula) di RPPS bagi tahun 2020

08
MAC
2021



silalah layari

<https://news.uthm.edu.my/ms/2021/03/rpps-berjaya-kumpul-1373-3-kilogram-barangan-kitar-semula-pada-tahun-2020/>

Hasil komitmen berterusan yang diberikan ahli, Rumah Pembelajaran Pemulihan Sumber (RPPS), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mengumpul sebanyak 1,373.3 kilogram barangan kitar semula pada tahun 2020.

Menurut Ketua SIO Sisa dan Kitar Semula, Ts. Dr. Roslinda Ali jumlah kutipan bagi tahun 2020 menunjukkan penurunan berbanding pada tahun sebelumnya.

Katanya faktor utama yang menyumbang kepada penurunan adalah disebabkan oleh penutupan kampus yang disebabkan pandemik Covid-19.

"Pihak kami berharap agar jumlah kutipan bagi tahun 2021 akan meningkat selaras dengan pembukaan semula kampus secara berperingkat bermula awal tahun ini.

Tambah Dr. Roslinda lagi, kertas campur merupakan jumlah terbesar yang dikutip iaitu sebanyak 1,083.6 kilogram (78.9%).

"Pihak kami juga dapat mengumpul plastik iaitu sebanyak 14.1%, kertas kotak 6.3% dan aluminium 0.7%.

"Barangan kitar semula yang terkumpul akan diambil oleh pihak SWM untuk dilupuskan dengan kaedah yang betul," katanya.

RPPS yang berlokasi di kampus induk berfungsi sebagai sebuah pusat pengumpulan barangan kitar semula yang telah memulakan operasinya sejak tahun 2018.

Pusat yang diselenggarakan oleh Pejabat Kampus Lestari UTHM ini adalah merupakan usaha bersama pihak UTHM dan SWM Enviroment Sdn. Bhd. bagi memberi kesedaran dan menggalakkan warga kampus serta penduduk sekitar untuk melakukan pengasingan sisa di punca.

Pihak Pejabat Kampus Lestari turut menyeru warga kampus khususnya untuk melakukan pengasingan sisa di punca dengan kaedah yang betul dan menghantar sisa yang dikutip ke RPPS.

"Usaha ini penting agar UTHM dapat menunjukkan contoh yang baik dan menjadi ikon kepada penduduk sekitarnya dalam menguruskan sisa pepejal," tambah Dr. Roslinda.

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

KURSUS AMALAN HIJAU DI PEJABAT

**09
MAC
2021**

Kursus anjuran bersama oleh Pejabat Pendaftar & SCO ini diadakan secara atas talian dengan disertai oleh wakil daripada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj).

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta berkaitan amalan hijau yang boleh dilakukan di pejabat merangkumi elemen berikut :

1. Amalan Kitar Semula
2. Penggunaan & Penjimatan Air
3. Pengurusan Tenaga Universiti
4. Amalan Cekap Tenaga
5. Bangunan Hijau

Semoga kursus ini dapat memberi manfaat serta memupuk kesedaran di kalangan peserta dalam mempraktikkan amalan hijau di pejabat seterusnya menyokong ke arah kelestarian kampus.



HEBAHAN KEMPEN PENGKOMPOSAN BERSAMA KOMUNITI

**12
MAC
2021**

Cutting food waste is a DELICIOUS way of saving money, feeding the world and protecting the planet.

Join our Sustainable Green Pods Project 'SWIDWEB Composting Site' by PM. Ir. Dr. Noor Yasmin Zainun and compost your food waste! Go green

Ayuh sertai kami ke arah pengurusan sisa makanan yang lebih lestari!



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

SWIDWEB SOLUTIONS DAN SWM ENVIRONMENT LANCAR PROGRAM 'PENGURUSAN SISA MAKANAN' BERSAMA KOMUNITI SETEMPAT



Sila layari

<https://news.uthm.edu.my/ms/2021/03/swidweb-solutions-dan-swm-environment-lancar-program-pengurusan-sisa-makanan-bersama-komuniti-setempat/?fbclid=IwAROU73EHssBScrjQTIFVxkOWzQb4KV5oiiZ2NKPNmt77eU2LLVLonXOIc28>

**12
MAC
2021**

BATU PAHAT, 23 Feb – SWIDWEB Solutions yang merupakan salah satu syarikat terbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bekerjasama dengan SWM Environment Sdn. Bhd. melancarkan program 'Pengurusan Sisa Makanan' bersama komuniti setempat.

Menurut Ketua Projek, Profesor Madya Ir. Dr. Noor Yasmin Zainun program ini merupakan salah satu projek rintis yang pertama kali dilaksanakan di Batu Pahat, bertujuan untuk mengurangkan kapasiti pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah dengan melakukan kitar semula untuk manfaat kepada alam sekitar.

"Pihak kami bersyukur kerana lebih 50 peserta telah menyertai program rintis ini," katanya. Beliau turut menjelaskan pihak SWM juga turut sama merialisasikan projek pengurusan sisa ini dengan menaja tong pungutan sisa makanan kepada semua peserta yang terlibat serta menjalankan aktiviti pungutan sisa berjadual dari rumah ke rumah untuk dibawa ke Pusat Penyelidikan Sisa Pepejal (PPSP).

"PPSP telah dibangunkan di kampus induk UTHM dan menelan belanja RM100 ribu melalui geran penyelidikan yang diperoleh bersama dua orang pasukannya iaitu Profesor Madya Dr. Munzilah Md. Rohani dan Sr. Saifullizan Mohd. Bukari dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina.

"Di PPSP, sisa makanan yang dikumpul akan diproses bagi menghasilkan pelbagai produk seperti Black Soldier Fly larvae (BSFL) sebagai makanan kepada haiwan ternakan dan ikan, dan pelbagai jenis baja organik," tambah Dr. Yasmin.

Projek ini turut dijayakan bersama:

1. Prof. Madya Ir. Dr. Noor Yasmin Zainun
2. Prof. Madya Dr. Munzilah Md. Rohani
3. Sr. Saifullizan Mohd. Bukari
4. Prof. Madya Dr. Norwati Jamaluddin
5. Dr. Sallehuddin Shah Ayop
6. Dr. Hairuddin Mohammad
7. Muhammad Qusyairi Abdul Rahman
8. Dr. Noralfishah Sulaiman



Fermented plant juice yang dihasilkan dari sisa makanan untuk dijadikan baja foliar



Frass, baja organik yang telah dihasilkan dari sisa makanan melalui Black Soldier Fly (BSF)



BSF Larva yang dihasilkan untuk dijadikan makanan haiwan ternakan

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

LAWATAN PENANDA ARAS KE UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)

**15
MAC
2021**

Pejabat Kampus Lestari (SCO) telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Hal Ehwal Korporat & Kualiti, Universiti Malaysia Pahang (UMP). Lawatan tersebut telah dijalankan secara atas talian bagi tujuan berkongsi pengalaman berhubung kaedah pengumpulan data bagi penilaian UI Green Metric World University Ranking (UIGWUR).

Hasil daripada lawatan ini akan dipraktikkan oleh SCO dalam mengumpul data-data hijau bagi penilaian dan penarafan yang akan disertai oleh universiti pada masa akan datang.



HEBAHAN HIJAU 05/2021: SAVE WATER

SAVE WATER, every drop COUNTS!!!

Friendly reminder from Sustainable Champion Team SCO, SIO3 Water Radin Maya Saphira.

Marilah sertai kami ke arah pengurusan air yang lebih lestari!



**18
MAC
2021**

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

**15
MAC
2021**

Sustainable Campus Office-SCO dengan kerjasama Pejabat Pembangunan & Penyenggaraan (PPP) telah melaksanakan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bersama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNN).

Pihak UTHM mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Jabatan Perhutanan Negeri Johor kerana sudi untuk memilih UTHM sebagai lokasi bagi program tersebut disamping turut menyumbang sebanyak 40 batang pokok untuk ditanam di sekitar UTHM.

Program telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor UTHM dan YBhg. Dato' Hj. Salim bin Aman, Pengarah JPNN.

Semoga kempen ini serta kerjasama antara JPNN dan UTHM akan meningkatkan lagi kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan liputan hijau di universiti dan pemuliharaan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara.

Tahniah diucapkan kepada PM Dr Rozlin Zainal Rozlin Zainal dan Pn Fazian Hashim Fazian Hashim di atas inisiatif ini dibawah SIO 6.



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

COMPOSTER OF THE MONTH

**MAC
2021**

Composting is cool

Join our Sustainable Green Pods Project 'SWIDWEB Composting Site' by PM. Ir. Dr Noor Yasmin Zainun and compost your food waste!

Congratulations to 'Composter of The Month' March 2021 PM Ts. Dr. Rafidah Hamdan, Dr Shaylinda Zin and PM Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir for your commitment.



Congratulations from SCO!

DO YOUR PART IN SAVING THE ENVIRONMENT



**PM TS. DR. AESLINA
ABDUL KADIR
(FKAAB/SCO)**



**PM TS. DR. RAFIDAH
HAMDAN
(FKAAB)**



**DR. NUR SHAYLINDA
MOHD ZIN
(FKAAB/SCO)**

"Reengineering Sustainability."



www.sco.uthm.edu.my



Sustainable Campus Office-SCO

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

RECYCLER OF THE MONTH

**MAC
2021**

Recycling is awesome

Join our recycling program at UTHM Recycling Centre.

Congratulations to 'Recycler of the Month' March 2021, Dr Mimi Nahariah Mohamed, Dr. Goh Wan Inn and PM Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir for your commitment in recycling your waste.



RECYCLER OF THE MONTH

MARCH 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

Congratulations from SCO!

DO YOUR PART IN SAVING THE ENVIRONMENT



"Reengineering Sustainability."



www.sco.uthm.edu.my

Sustainable Campus Office-SCO

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

KALENDAR APRIL 2021

Monday	Tuesday	Wednesday	Thursday	Friday	Saturday	Sunday
	Pengumpulan kertas terpakai kasih bin		01 Program Gotong-Royong	02	Hebahan Hijau 06/2021	04 Sustainable competition start
05 Webinar waste to wealth	06	07 Program recycle day @UTHM	08 Program recycle day @Pagoh	09	10	11 Perasmian program pengkomposan
12 Program corporate social responsibility (CSR) SCO	13	14 Webinar sustainable transportation in campus	15	16	17	18
19 Webinar tindakan mengawal dan mencegah kebakaran hutan	20	21 Webinar save water: towards greener tomorrow	22 Earth Day 2021 "Restore our Earth"	23	24	25 Sustainable competition end
26 Webinar youth for sustainable consumption & production (WWF)	27	28 Webinar program bicara Planeteers siri 3: hidupan liar	29 Webinar energy efficiency: the fifth fuel	30 Competition winner announcement	Webinar green building needs and reality in Malaysia	

Webinar rainwater harvesting and utilisation: how much we have advanced over the years?

Webinar youth for sustainable consumption & production (WWF)

Competition winner announcement

Aktiviti menarik sepanjang April 2021



Sustainable Awareness



Sustainable Competition



Recycling Day @ UTHM



Sustainable Webinar



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

PROGRAM GOTONG ROYONG DI PUSAT KITAR SEMULA UTHM

**01
APRIL
2021**

Program pertama sempena penganjuran Earth Month Awareness 2021 oleh Sustainable Campus Office-SCO. Gotong royong diadakan di Pusat Kitar Semula UTHM & Rumah Pembelajaran Pemulihan Sumber (RPPS).

Aktiviti yang dijalankan adalah pembersihan kawasan sekitar Pusat Kitar Semula UTHM & juga penanaman pokok sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.

Gotong royong telah disertai oleh staf SCO dan terima kasih diucapkan kepada pelajar sukarelawan daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Hepa Fkaab Uthm, Kelab Kejuruteraan Awam UTHM yang turut sama membantu dalam aktiviti tersebut.



PROGRAM KELESTARIAN BERMULA

**04
APRIL
2021**

Sempena penganjuran Program Earth Month Awareness 2021, Sustainable Campus Office (SCO) telah mengadakan Pertandingan Kelestarian bermula dari 4 April hingga 25 April 2021 bagi menarik minat dan menggalakkan warga universiti untuk mengamalkan budaya kelestarian dalam kehidupan harian. Seluruh warga UTHM telah dijemput untuk menyertai pertandingan tersebut disamping memenangi hadiah menarik yang telah disediakan.

Antara cabaran yang dipertandingkan adalah Earth Month Challenge, My Green Office/My Green Home Selfie Competition dan DIY Video Competition Recycle at Home.



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

WEBINAR WASTE TO WEALTH

**05
APRIL
2021**

Tahniah Sustainable Champion Team dari SIO 5: Education & Research dengan perkongsian Webinar Waste to Wealth dengan kerjasama Focus Group Comset dan Adcom sempena Earth Month Awareness secara atas talian melalui zoom.

Ucapan penghargaan dan terima kasih dari Sustainable Campus Office (SCO) kepada Moderator Dr. Noor Azlina binti Abd Hamid, Speaker Dr. Roslinda binti Ali untuk slot 1 (Separation at source) dan Prof Madya Ts. Dr. Suraya Hani binti Adnan untuk slot 2 (POFA: A Potential waste as construction material) di atas perkongsian ilmu yang diberikan semoga ianya memberi manfaat dan dapat dipraktiskan kepada semua peserta yang hadir.



PROGRAM RECYCLE DAY @UTHM

**07
APRIL
2021**

Sustainable Campus Office (SCO) dengan kerjasama SWM Environment Sdn Bhd dan Swcorp BP telah melaksanakan program Recycling Day @UTHM bertempat di Pusat Kitar Semula, UTHM dan Padang Kawad,

UTHM. Antara bahan kitar semula yang diterima adalah sisa aluminium, sisa kertas, sisa kaca, sisa plastik, sisa elektronik, baju terpakai dan juga minyak masak terpakai.

Program ini turut dimeriahkan lagi dengan permainan spinner yang mana peserta layak menerima merchandise dari pihak SWM Environment sekiranya menghantar sisa kitar semula melebihi 2 kg. Program ini telah berjalan dengan lancar dan pihak SCO mengucapkan ucapan terima kasih di atas penyertaan daripada semua warga UTHM dan komuniti setempat yang turut sama menyumbang dalam menjayakan program ini.



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

PROGRAM RECYCLE DAY @PAGOH

**08
APRIL
2021**

Terima kasih diucapkan kepada warga UTHM-Kampus Pagoh dan komuniti sekitarnya yang sudi menyertai program tersebut bagi menyokong usaha dalam menjaga kelestarian alam sekitar. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak SWM Environment Sdn Bhd kerana sudi berkerjasama dengan Sustainable Campus Office-SCO bagi penganjuran Program Recycling Day @UTHM pada kali ini.

Pada program tersebut turut diadakan Majlis Pelancaran Program KitaRecycle @UTHM yang telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki bin Mustafa, Provost UTHM-Kampus Pagoh.



PENGUMPULAN KERTAS TERPAKAI KASIH BIN

**08
APRIL
2021**

Bersempena dengan penganjuran Program Earth Month Awareness 2021, Unit Amal Kelab Kebajikan Staff (CESWEC) Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina dengan usahasama Sustainable Campus Office (SCO) telah berjaya mengumpulkan kertas terpakai dan diletakkan di ruangan pengumpulan Kasih Bin FKAAB.

Sebanyak 1018 kg kertas putih, 188 kg kertas campuran warna dan 22 kg kotak dari seluruh Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAB) telah berjaya dikumpul, diasing dan dijual pada 8 April 2021 yang lalu. Hasil penjualan kertas terpakai tersebut, sebanyak RM 354 telah berjaya dikumpul dan dijadikan pendapatan bagi mengumpul dana kebajikan untuk aktiviti bersama komuniti tempatan terutamanya Program Ikhlas Ramadan anjuran CESWEC.



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

PERASMIAN KEMPEN PENGKOMPOSAN RAMADAN BERSAMA PENIAGA BAZAR BATU PAHAT

11
APRIL
2021

Bersempena dengan penganjuran Program Earth Month Awareness 2021, SWIDWEB yang diketuai oleh Prof. Madya Ir. Dr. Noor Yasmin binti Zainun sedang mengadakan kempen pengkomposan ramadan bersama peniaga bazar di sekitar Batu Pahat. Majlis perasmian kempen tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Hj. Mohd Rashid bin Hasnon, Timbalan Speaker Dewan Rakyat merangkap Ahli Parlimen Batu Pahat.

Turut hadir adalah YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor UTHM, YBrs. Hj. Mohd Norlisam bin Mohd Nordin, wakil Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat SWM Environment Sdn Bhd, Prof. Madya Ts. Dr. Aeslina binti Abdul Kadir, Pengarah Pejabat Kampus Lestari dan pegawai-pegawai kanan universiti. Turut berlangsung adalah sesi lawatan ke Rumah Pembelajaran Pemulihan Sumber (RPPS) dan Pusat Penyelidikan Sisa Pepejal (SWIDWEB).



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

HEBAHAN HIJAU 06/2021: STRATEGI PENJIMATAN TENAGA

11
APRIL
2021

HEBAHAN HIJAU 06/2021: INFOGRAFIK STRATEGI PENJIMATAN TENAGA

Hebahan Hijau : Strategi Penjimatan Tenaga telah dihebahkan melalui emel untuk makluman warga universiti.



PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR), PEJABAT KAMPUS LESTARI



Hasil daripada pengumpulan pakaian terpakai semasa Program Recycling Day @UTHM telah diserahkan kepada persatuan dan pertubuhan kebajikan untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan di sekitar Batu Pahat.

12
APRIL
2021

Serahan pertama telah dilakukan kepada Pn. Aisyah, wakil daripada Persatuan Ibu Tunggal IT Mekar, Batu Pahat manakala bagi serahan kedua telah dilakukan kepada En. Noor Aini bin Salim, Penyelaras Pasar Malam Peserai Perdana Jaya. Beliau juga adalah wakil kepada Persatuan Kebajikan Islam Lembaga Getah Malaysia dan Pengakap Raja Brotherhood Malaysia.

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus


WEBINAR SUSTAINABLE TRANSPORTATION IN CAMPUS

**14
APRIL
2021**

Tahniah Sustainable Champion Team dari SIO 4: Travel and Transportation dengan perkongsian Webinar Sustainable Transportation In Campus - Low Carbon Micromobility in Green Campus Initiative

dengan kerjasama Focus Group Smart Driving Research Center (SDRC), FKAAB sempena sambutan Earth Month Awareness 2021 secara atas talian melalui zoom.

Ucapan penghargaan dan terima kasih dari Sustainable Campus Office (SCO) kepada Moderator, Dr. Mohammad Nasir Bin Mohamad Taher, Speaker Dr. Mohd Rizal bin Osman di atas perkongsian ilmu yang diberikan semoga ianya memberi manfaat dan dapat dipraktiskan kepada semua peserta yang hadir



Smart Driving
Research Center


WEBINAR TINDAKAN MENGAWAL DAN MENCEGAH KEBAKARAN HUTAN - SLOT 1

WEBINAR YOUTH FOR SUSTAINABLE CONSUMPTION & PRODUCTION (WWF) - SLOT 2

**19
APRIL
2021**

Tahniah Sustainable Champion Team dari SIO 6: Development, Climate and Resiliency dengan perkongsian Webinar Tindakan Mengawal dan Mencegah Kebakaran Hutan dan Webinar Youth for Sustainable Consumption & Production dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan FEE EcoCampus Programme WWF-Malaysia sempena Earth Month Awareness secara atas talian melalui zoom.

Ucapan penghargaan dan terima kasih dari Sustainable Campus Office (SCO) kepada Moderator Puan Fazian Hashim, Speaker En Yusof bin Abdul Rashid untuk slot 1 (Tindakan mengawal dan mencegah kebakaran hutan) dan Puan Mazlina binti Sabtu untuk slot 2 (Youth for sustainable consumption & production (WWF)) di atas perkongsian ilmu yang diberikan semoga ianya memberi manfaat dan dapat dipraktiskan kepada semua peserta yang hadir.



Buletin

JANUARI - MEI 2021


#SCOgogreen #UTHMgreencampus

WEBINAR SAVE WATER: TOWARDS GREENER TOMORROW- SLOT 1 WEBINAR YWEBINAR RAINWATER HARVESTING AND UTILISATION - SLOT 2

**21
APRIL
2021**

Tahniah Sustainable Champion Team dari SIO 3: Water melalui perkongsian webinar untuk dua slot iaitu Save Water: Towards Greener dan Rainwater Harvesting and Utilisation: How much we have advanced over the years dengan kerjasama Focus Group MicroPollutant Research Centre (MPRC), FKAAB sempena sambutan program Earth Month Awareness 2021 melalui zoom meeting.

Ucapan penghargaan dan terima kasih dari Sustainable Campus Office (SCO) kepada Moderator, Dr. Siti Nazahiyah Rahmat, Speaker 1 PM Ts. ChM. Dr. Radin Maya Saphira Radin Mohamed dan Speaker 2 PM Dr. Meng Nan Chong dari Monash University Malaysia di atas perkongsian ilmu yang diberikan semoga ianya memberi manfaat dan dapat dipraktikkan kepada semua peserta yang hadir



EARTH DAY 2021 "RESTORE OUR EARTH"



**22
APRIL
2021**

Sambutan Hari Bumi diraikan pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia bagi menghargai bumi, menyemai rasa tanggungjawab selain meningkatkan kesedaran masyarakat melindungi bumi dan alam sekitar.

Tema Hari Bumi 2021 adalah "Restore Our Earth".

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

WEBINAR GREEN BUILDING NEEDS AND REALITY IN MALAYSIA

22
APRIL
2021

Tahniah Sustainable Champion Team dari SIO 8: Green Building melalui perkongsian Webinar Green Building Needs And Reality In Malaysia sempena sambutan program Earth Month Awareness 2021 melalui zoom meeting.

Ucapan penghargaan dan terima kasih dari Sustainable Campus Office (SCO) kepada Moderator, Dr. Mohd Azuan Zakaria dan Speaker Dr. Junaidah Jailani di atas perkongsian ilmu yang diberikan semoga ianya memberi manfaat dan dapat dipraktikkan kepada semua peserta yang hadir.



PERTANDINGAN KELESTARIAN TAMAT



PERTANDINGAN TAMAT! Terima kasih diucapkan kepada semua peserta yang telah menyertai Pertandingan Kelestarian sempena penganjuran Program Earth Month Awareness 2021, SCO bermula dari 4 April hingga 25 April 2021. Antara cabaran yang dipertandingkan adalah Earth Month Challenge, My Green Office/My Green Home Selfie Competition dan DIY Video Competition Recycle at Home.

25
APRIL
2021

Sebanyak 134 penyertaan yang telah diterima oleh Pejabat Kampus Lestari yang terdiri daripada staf dan pelajar UTHM. Karya-karya telah dinilai oleh juri dan juga berdasarkan kepada "likes" terbanyak di Facebook. Majlis penyampaian hadiah akan diadakan pada 29 April 2021.

Terima kasih diucapkan kepada **WARGA UTHM** yang menyertai pertandingan ini.

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

PENYERTAAN SEMPENA PROGRAM EARTH MONTH AWARENESS 2021

**25
APRIL
2021**



Terima kasih diucapkan kepada WARGA UTHM di atas penyertaan anda!

Buletin

JANUARI - MEI 2021


#SCOgogreen #UTHMgreencampus

WEBINAR PROGRAM BICARA PLANETEERS SIRI 3: HIDUPAN LIAR

28
APRIL
2021

Tahniah!!!!!! Kelab Planeteers UTHM melalui perkongsian webinar Bicara Planeteers Siri 3: Hidupan Liar sempena sambutan program Earth Month Awareness 2021 melalui zoom meeting.

Ucapan penghargaan dan terimakasih dari Sustainable Campus Office kepada Penasihat Kelab Planeteers Dr. Nazirah binti Mohamad Abdullah, Moderator Saudara Muhammad Hasanuddin bin Mohd Kamal dari kelab Planeteers, panel 1 Prof. Dato' Dr. Mohd Tajuddin Abdullah dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan panel 2 Ts. Dr. Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), UTHM di atas perkongsian ilmu yang diberikan semoga ianya memberi manfaat dan dapat dipraktiskan kepada semua peserta yang hadir.



CAeD
Centre of Applied Genomics and Disaster Prevention


PLANETEERS
We Mean Green

WEBINAR ENERGY EFFICIENCY: THE FIFTH FUEL

29
APRIL
2021

Tahniah Sustainable Energy Champion Team (SECT) melalui perkongsian webinar Energy Efficiency: The Fifth Fuel dengan kerjasama Center for Energy & Industrial Environment Studies (CEIES), FKMP sempena sambutan program Earth Month Awareness 2021 melalui zoom meeting.

Ucapan penghargaan dan terima kasih dari Sustainable Campus Office kepada Moderator, Prof. Madya Dr. Mohammad Kamil bin Abdullah dan Speaker, Dr. Mohd Faizal bin Mohideen Batcha di atas perkongsian ilmu yang diberikan semoga ianya memberi manfaat dan dapat dipraktiskan kepada semua peserta yang hadir.



CEIES
UTHM

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

COMPOSTER OF THE MONTH

**APRIL
2021**

Composting is cool

Join our Sustainable Green Pods Project 'SWIDWEB Composting Site' by PM. Ir. Dr Noor Yasmin Zainun and compost your food waste!

Congratulations to 'Composter of The Month' April 2021 Puan Napisah Basir and PM Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir for your commitment.

COMPOSTER OF THE MONTH

APRIL 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus



Congratulations from SCO!

DO YOUR PART IN SAVING THE ENVIRONMENT



"Reengineering Sustainability..."



www.sco.uthm.edu.my

 Sustainable Campus Office-SCO

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

RECYCLER OF THE MONTH

APRIL
2021

Recycling is awesome

Join our recycling program at
UTHM Recycling Centre.

Congratulations to 'Recycler
of the Month' April 2021, Nur
Jannah Abdul Hamid, PM Ts.
Dr. Aeslina Abdul Kadir and
PM Ir. Dr. Noor Yasmin
Zainun for your commitment in
recycling your waste.

RECYCLER OF THE MONTH

APRIL 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus



Congratulations from SCO!

DO YOUR PART IN SAVING THE ENVIRONMENT



"Reengineering Sustainability."



www.sco.uthm.edu.my

 Sustainable Campus Office-SCO

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

SESI PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA PROGRAM EARTH MONTH AWARENESS 2021

29
APRIL
2021

Pada 29 April 2021, telah berlangsung sesi penyampaian hadiah sempena Program Earth Month Awareness 2021 kepada para pemenang. Hadiah telah disampaikan oleh Pengarah SCO kepada para pemenang.

My Green Office / My Green Home

SELFIE COMPETITION

Congrats!



1ST RUNNER UP

**DR MOHD ARIFF AHMAD
NAZRI**



2ND RUNNER UP

DR GOH WAN INN



3RD RUNNER UP

**MUHAMAD KHAIRUL FITRI
SARIMIN**



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

SESI PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA PROGRAM EARTH MONTH AWARENESS 2021

29
APRIL
2021

Pada 29 April 2021, telah berlangsung sesi penyampaian hadiah sempena Program Earth Month Awareness 2021 kepada para pemenang. Hadiah telah disampaikan oleh Pengarah SCO kepada para pemenang.

DIY VIDEO COMPETITION

Recycle at Home



1ST RUNNER UP

AZINI AMIZA HASHIM



2ND RUNNER UP

KAGEISHIENY NADARASON



3RD RUNNER UP

**DR MOHD ARIFF AHMAD
NAZRI**

Congrats!

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

SESI PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA PROGRAM EARTH MONTH AWARENESS 2021

29
APRIL
2021

Pada 29 April 2021, telah berlangsung sesi penyampaian hadiah sempena Program Earth Month Awareness 2021 kepada para pemenang. Hadiah telah disampaikan oleh Pengarah SCO kepada para pemenang.

SUSTAINABLE Challenge



1ST RUNNER UP

**MUHAMMAD SAFIUDDIN
AHMAD SHAHRIN**



2ND RUNNER UP

LIEW AI YNG



3RD RUNNER UP

**MUHAMMAD SHAFIZUL
MUSA**

Congrats!

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

HARI KITAR SEMULA@UTHM BERJAYA KUMPUL 1,294 KILOGRAM BAHAN KITAR SEMULA

Sedikit perkongsian tentang jumlah kutipan barangan kitar semula daripada Dr Roslinda Ali (SIO Sisa dan Kitar Semula) semasa program Hari Kitar Semula @UTHM pada 7 dan 8 April 2021 yang lalu.

03
MAY
2021

Warga kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mengumpulkan sebanyak 1,294 kilogram (kg) bahan kitar semula ketika berlangsungnya program Hari Kitar Semula@UTHM pada 7 dan 8 April 2021 lalu.

Menurut Ketua SIO 2 (Sisa dan Kitar Semula), Ts. Dr. Roslinda Ali sampah seperti plastik dan kertas menjadi penyumbang terbesar kepada jumlah tersebut iaitu 103 kg plastik dan 368 kg kertas.

Untuk rekod, sebelum ini Pejabat Kampus Lestari, UTHM yang diketuai oleh Pengarahnya, Profesor Madya Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir telah menganjurkan Kempen "Earth Month Awareness 2021" yang tamat pada 30 April lalu.


Pelbagai program telah dijalankan bersempena dengan kempen tersebut antaranya Hari Kitar Semula@UTHM dengan kerjasama SWM Environment Sdn. Bhd. yang melibatkan kampus Induk dan kampus Pagoh.

Warga kampus dan komuniti setempat diseru untuk menghantar segala barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, aluminium, besi, minyak masak terpakai dan juga sisa elektrik dan elektronik seperti komputer, televisyen, kipas atau seumpamanya.

Selain itu, Pusat Kitar Semula (RPPS) UTHM turut mengumpul pakaian terpakai untuk diberikan kepada golongan yang memerlukan. Dr. Roslinda berkata selain mengajak warga kampus mengamalkan konsep pengasingan sisa di punca, pihaknya turut menerapkan konsep guna semula atau reuse kepada warga kampus dan komuniti setempat.


"Apabila diberi peluang untuk mengumpul baju terpakai, mereka akan mengambil inisiatif untuk mengosongkan almari masing-masing dengan mengasingkan pakaian yang masih elok tetapi tidak lagi dipakai untuk disumbangkan.

"Secara tidak langsung, jangka hayat pakaian terpakai berpanjangan kerana masih boleh digunapakai dan tidak rosak begitu sahaja," katanya.



silalah layari

https://news.uthm.edu.my/ms/2021/05/hari-kitar-semulaauthm-berjaya-kumpul-1294-kilogram-bahan-kitar-semula/?fbclid=IwAR2_LAF9thsCnD06Rkz3D6xuhCSe7DTFybkJyHANasJx0FNMcoG2c0v_s



Tambah beliau, dalam jangka masa panjang, penggunaan semula pakaian terpakai dapat mengurangkan penghasilan baju baharu dan ini dapat mengurangkan jumlah pembuangan sisa ke tapak pelupusan.

"Bahan kitar semula yang terkumpul itu diambil oleh pihak SWM untuk dibawa ke pusat kitar semula bagi proses selanjutnya. Menariknya pada hari tersebut juga, pihak SWM turut menyediakan cenderahati kepada mereka yang menghantar bahan kitar semula ke RPPS.

Manakala warga kampus juga diminta untuk mendaftar aplikasi KitaRecycle yang dimuat turun dari telefon bimbit.

"Melalui KitaRecycle, pengguna boleh mengumpul mata ganjaran setiap kali menghantar bahan kitar semula ke sana dan mata ganjaran tersebut boleh ditebus dengan wang yang akan dikreditkan ke dalam akaun pengguna," jelas Dr. Roslinda.

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

KALENDAR MEI 2021

Monday	Tuesday	Wednesday	Thursday	Friday	Saturday	Sunday
31 Hebahan Hijau 07/2021					01	02
03	04	05 Taklimat Pengurusan Sisa Makanan di Kafeteria UTHM	06	07	08	09
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pejabat Kampus Lestari Bil. 2/2021	26	27 Taklimat Pengumpulan Data UI Greenmetric	28	29	30

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

TAKLIMAT PENGURUSAN SISA MAKANAN DI KAFETARIA

**05
MEI
2021**

Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah SWIDWEB Solutions, Prof. Madya Ir. Dr. Noor Yasmin binti Zainun berhubung pengurusan sisa makanan kepada pengusaha-pengusaha kafeteria di UTHM.

Dalam taklimat tersebut telah diterangkan berkaitan peranan pengusaha kafeteria dalam mengamalkan pengasingan sisa makanan yang betul untuk dihantar dan diproses oleh pihak SWIDWEB Solutions.

Taklimat telah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Perniagaan bersama Pejabat Kampus Lestari (SCO) yang turut dihadiri oleh wakil daripada Pejabat Pembangunan & Penyenggaraan serta Kolej-Kolej Kediaman.



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

PERLANTIKAN SEMULA KETUA JABATAN PENGURUSAN KEJURUTERAAN LESTARI, SCO

06
MEI
2021

Tahniah kepada Dr Nur Shaylinda binti Mohd Zin di atas perlantikan semula sebagai Ketua Jabatan Pengurusan Kejuruteraan Lestari, SCO berkuatkuasa 1 Mei 2021 hingga 30 April 2023.




Congratulations
Dr. Nur Shaylinda Binti Mohd Zin
for being reappointed as
**Head of Department
(Management and Sustainable Engineering)
Sustainable Campuss Office**
1st May 2021 - 30th April 2023
Sincerely
Faculty of Civil Engineering and Built Environment



 Fkaab UTHM  Fkaab UTHM  Fkaab UTHM <http://fkaab.uthm.edu.my> *"Dengan Hikmah,
Kita Meneroka"*

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

UTHM-SWM ENVIRONMENT RINTIS USAHA UBAH SISA MAKANAN BAZAR RAMADHAN JADI BAJA KOMPOS

Sedikit sedutan berita oleh **ASTRO AWANI** berkenaan UTHM-SWM rintis usaha ubah sisa makanan bazar ramadhan jadi baja kompos semasa Program Pengurusan Sisa Makanan Pusat Penyelidikan Sisa Pepejal UTHM dengan kerjasama SWM Environment bersama peniaga bazar ramadhan.

11
MEI
2021

BATU PAHAT: Pembaziran juadah makanan yang tidak habis dijual di bazar Ramadan menjadi pencetus inovasi baja kompos dengan kaedah kembali kepada alam.

Program pengurusan sisa makanan ini dikendalikan bersama peniaga bazar, SWM Environment Sdn Bhd dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Projek perintis ini melibatkan empat tapak bazar Ramadan iaitu Pesta, Bindu, Taman Universiti dan Parit Raja, Batu Pahat.

Ketua projeknya, Profesor Madya Ir Dr Noor Yasmin Zainun berkata, program menggunakan serangga 'black soldier fly larva' itu bertujuan mengurangkan kapasiti pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah khususnya pada bulan Ramadan.

Sejak dimulakan pada Februari lalu, 50 peserta terdiri daripada peniaga bazar dan komuniti setempat.

Menerusi program itu, tong sampah khas disediakan SWM dengan kapasiti 50 kilogram sisa makanan diletakkan di bazar dan dibawa ke Pusat Penyelidikan Sisa Pepejal (PPSP) di UTHM.


"Sejenis lalat yang bukan vektor, iaitu tidak membawa penyakit.

"Larva lalat 'black soldier' ini akan diletakkan dalam sisa makanan dan ia akan makan sisa itu.

"Selepas 7 hingga 14 hari, akan terhasil baja organik tanpa bahan kimia.

"Larva itu sendiri menjadi alternatif untuk makanan ternakan seperti unggas dan ikan.

Sekarang ini di Malaysia, sebanyak 500 tan sisa setiap hari dan daripada jumlah itu, hanya lima peratus sahaja yang boleh dikitar semula.



silalah layari

[https://www.astroawani.com/berita-malaysia/uthmswm-environment-rintis-usaha-ubah-sisa-makanan-bazar-ramadhan-jadi-baja-kompos-297471?](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/uthmswm-environment-rintis-usaha-ubah-sisa-makanan-bazar-ramadhan-jadi-baja-kompos-297471?fbclid=IwAR3VhXKgTPOa62E55n7d3b2bCRD8q9gUmOvxap4TF_uKlkjKw3dhXnrG3c)
fbclid=IwAR3VhXKgTPOa62E55n7d3b2bCRD8q9gUmOvxap4TF_uKlkjKw3dhXnrG3c



"Paling banyak adalah sisa makanan," katanya ketika ditemui Astro AWANI di UTHM, Batu Pahat.

Mengulas lanjut, larva lalat 'black soldier' yang diimport dari Eropah ini akan bertelur 20 gram sehari.

Telur tersebut akan dimasukkan ke dalam sisa makanan yang telah diasingkan dalam satu plot khas. Ia akan menetas menghasilkan ulat yang memakan sisa makanan dan menjadikan baja organik.

Ulat muda berwarna putih akan menjadi makanan sumber protein kepada haiwan ternakan seperti burung, ayam dan ikan.

Manakala ulat dewasa berwarna hitam akan membesar semua menjadi lalat 'black soldier' dewasa. Jelas Noor Yasmin, 100 kilogram sisa makanan boleh menghasilkan 10 kilogram baja kompos organik yang dijual pada harga 7 ringgit sekilogram.

Berdasarkan kajiannya, hasil tanaman yang menggunakan baja kompos ini akan membesar tiga kali ganda.

Buletin

JANUARI - MEI 2021


#SCOgogreen #UTHMgreencampus

INOVASI I BAJA KOMPOS GUNAKAN 'BLACK SOLDIER FLY LARVA'

Sedikit sedutan berita oleh **ASTRO AWANI** berkenaan Inovasi I Baja kompos gunakan 'Black Soldier Fly Larva'

**11
MEI
2021**

Juadah yang tidak habis dijual di Bazar Ramadan menjadi pencetus inovasi baja kompos. Berbeza dengan baja kompos lain, kali ini ia menggunakan serangga 'Black Soldier Fly Larva'. Ia bertujuan untuk mengurangkan kapasiti pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah khususnya pada bulan Ramadan.



Sila layari

https://www.astroawani.com/berita-malaysia/uthmswm-environment-rintis-usaha-ubah-sisa-makanan-bazar-ramadan-jadi-baja-kompos-297471?fbclid=IwAR3VhXKgTPOa62E55n7d3b2bCRD8q9gUmOvxap4TF_uklkjKCw3dhXnrG3c

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

سَلَامَاتُكُمْ رَايَا اَيْدِيْلْبِتْرِي

Selamat Hari Raya Aidilfitri

13 Mei 2021
Bersamaan 1 Syawal 1442H



Ikhlas daripada
Sustainable Campus Office, UTHM

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

LAPORAN PROGRAM EARTH MONTH AWARENESS 2021

Sempena dengan penganjuran Program Earth Month Awareness 2021, 3 pertandingan yang bertemakan kelestarian telah berjaya dilaksanakan. Tahniah diucapkan kepada SIO yang terlibat dalam pelaksanaan pertandingan kelestarian berikut :

**20
MEI
2021**




3 PERTANDINGAN KELESTARIAN
133 PENYERTAAN
6069 LIKES DI FACEBOOK

Selfie Competition : My Green Home / My Green Office yang dianjurkan oleh SIO8 dengan 10 penyertaan terdiri daripada 7 staf dan 3 pelajar. Pertandingan ini berjaya memperoleh sebanyak 1337 likes di Facebook SCO.

Earth Month Challenge yang dianjurkan oleh SCO dengan 112 penyertaan terdiri daripada 1 staf dan 111 pelajar. Pertandingan ini berjaya memperoleh sebanyak 3312 likes di Facebook SCO.

DIY Video Competition : Recycle At Home yang dianjurkan oleh SIO5 dengan 11 penyertaan terdiri daripada 4 staf dan 7 pelajar. Pertandingan ini berjaya memperoleh sebanyak 1420 likes di Facebook SCO.



Buletin

JANUARI - MEI 2021


#SCOgogreen #UTHMgreencampus

LAPORAN PROGRAM EARTH MONTH AWARENESS 2021


Program Earth Month Awareness 2021 turut menganjurkan 7 webinar kelestarian. Tahniah diucapkan kepada SIO, SECT, COE, COR, PTj dan Planeteers berikut di atas pelaksanaan webinar berikut:

**20
MEI
2021**

7 WEBINAR
1003 PENYERTAAN



Webinar Waste to Wealth yang dianjurkan oleh SIO5 dan SIO2 dengan kerjasama COMSET dan AdCom. Penyertaan terdiri daripada 39 staf dan 66 pelajar, manakala peserta dari luar adalah sebanyak 59 peserta. Webinar ini berjaya mendapat jumlah penyertaan sebanyak 164 peserta keseluruhannya.



Webinar Sustainable Transportation In Campus yang dianjurkan oleh SIO4 dengan kerjasama Smart Driving Research Center (SDRC). Penyertaan terdiri daripada 29 staf dan 62 pelajar. Manakala peserta dari luar adalah seorang peserta. Webinar ini berjaya mendapat jumlah penyertaan sebanyak 92 peserta keseluruhannya.



Webinar Tindakan Mengawal dan Mencegah Kebakaran Hutan dan Youth For Sustainable Consumption & Production yang dianjurkan oleh SIO6. Penyertaan terdiri daripada 35 staf dan 153 pelajar. Manakala peserta dari luar adalah sebanyak 8 peserta. Webinar ini berjaya mendapat jumlah penyertaan sebanyak 196 peserta keseluruhannya.

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

LAPORAN PROGRAM EARTH MONTH AWARENESS 2021

Penganjuran Program Earth Month Awareness 2021 turut diselitkan dengan hebahan infografik dan poster iaitu sebanyak 14 poster dan 2 infografik. Tahniah diucapkan kepada SIO7 di atas penghasilan poster dan infografik tersebut.

20
MEI
2021

14 POSTER **2** INFOGRAFIK



Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

LAPORAN PROGRAM EARTH MONTH AWARENESS 2021

**20
MEI
2021**

Selain itu, Program Recycle Day@UTHM juga diadakan di Kampus Induk dan Pagoh yang dianjurkan oleh SIO2. Sebanyak 438kg kertas, 21kg kaca, 216kg plastik, 134kg e-waste, 50kg minyak masak terpakai, 268kg besi dan lain-lain sebanyak 217kg telah berjaya dikumpulkan. Jumlah keseluruhan ialah 1344kg bahan kitar semula telah dikumpulkan. Hasil daripada pengumpulan pakaian terpakai semasa Program Recycling Day @UTHM telah diserahkan kepada persatuan dan pertubuhan kebajikan untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan di sekitar Batu Pahat pada 12 April 2021 sebagai salah satu aktiviti CSR. Serahan pertama telah dilakukan kepada Pn. Aisyah, wakil daripada Persatuan Ibu Tunggal IT Mekar, Batu Pahat manakala bagi serahan kedua telah dilakukan kepada En. Noor Aini bin Salim, Penyelaras Pasar Malam Peserai Perdana Jaya. Beliau juga adalah wakil kepada Persatuan Kebajikan Islam Lembaga Getah Malaysia dan Pengakap Raja Brotherhood Malaysia. Tahniah diucapkan kepada SIO2.



438 kg
kertas



21 kg
kaca




216 kg
plastik




134 kg
e-waste



50 kg
minyak
masak



268 kg
besi



217 kg
lain-lain sisa

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

UTHM JALANKAN PROJEK KOMPOS SISA MAKANAN BAZAR RAMADHAN

Sedikit sedutan berita oleh BERNAMA berkenaan UTHM jalankan projek kompos sisa makanan bazar ramadhan

24
MEI
2021

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah tampil dengan projek pengkomposan sisa makanan baru-baru ini dalam usaha untuk mengurangkan kapasiti pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah sempena bulan Ramadan.

Ketua Projek, Prof Madya Ir Dr Noor Yasmin Zainun berkata program yang dilancarkan sejak hari pertama Ramadan itu dijayakan dengan kerjasama SWM Environment Sdn Bhd dan bertumpu kepada empat tapak bazar Ramadan yang menghasilkan sisa terbanyak dalam daerah ini iaitu Bazar Ramadan Pesta, Bindu, Taman Universiti dan Parit Raja.

Katanya, pelaksanaan projek penting kerana pembuangan sisa pepejal ketika bulan Ramadan meningkat tiga kali ganda berbanding hari biasa.

"Program Pengurusan Sisa Makanan ini turut dilaksanakan bersama komuniti di bazar Ramadan bagi memberikan kesedaran kepada mereka.

"SWM menyediakan tong sampah khas untuk program ini dan sisa makanan yang dikutip kemudiannya dibawa ke Pusat Penyelidikan Sisa Pepejal (PPSP) di UTHM untuk diuruskan oleh syarikat terbitan UTHM iaitu SWIDWEB Solutions," katanya kepada pemberita selepas sesi penerangan berkenaan proses penghasilan baja daripada sisa makanan tersebut di sini hari ini.

Menurut Noor Yasmin yang juga pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, UTHM terpenggil untuk melaksanakan projek itu ekoran kenyataan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang mendedahkan terdapat kira-kira 10,000 tan makanan yang masih elok serta plastik dibuang di Semenanjung Malaysia setiap hari dalam bulan Ramadan.

"Sebenarnya proses percubaan projek ini telah bermula sejak Februari lepas melibatkan beberapa kawasan perumahan di sekitar UTHM cuma kali ini fokusnya adalah bazar Ramadan.

"Di unit PPSP UTHM ini sisa makanan dikumpul akan diproses bagi menghasilkan larva lalat dikenali sebagai Black Soldier Fly Larvae yang berfungsi sebagai makanan kepada ikan dan juga boleh dijadikan sebagai baja organik katanya.

Terdahulu, turut hadir sesi penerangan berkenaan ialah Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Kerajaan, SWM Environment Sdn Bhd: Johor Shahrul Amir Abdul Rahman.



Ketua Projek Pengurusan Sisa Makanan, Prof Madya Ir. Noor Yasmin Zainun (dua, kanan) menunjukkan sayuran yang menggunakan baja kompos yang dihasilkan oleh pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama SWM Environment Sdn Bhd.



Sila layari

https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1960912&fbclid=IwAR2KLM2GYstSAp0bzf_oOKWI_WmC3OIvZ7dJSDQleDAf2I-tAPzC3T4xxJO

Buletin



JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

TAKLIMAT PENGUMPULAN DATA UI GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKING & ENERGY MANAGEMENT GOLD STANDTARD - 2 STAR

Taklimat telah diadakan secara atas talian untuk memaklumkan kepada semua Ketua Strategy in Operation (SIO) berkaitan perancangan dan kaedah pengumpulan data-data hijau bagi penilaian Tahun 2021. Selain itu, turut dinyatakan berhubung kriteria penilaian baharu pada tahun ini yang berkaitan dengan pengurusan Covid-19 di universiti. Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah dan Ketua Jabatan, Pejabat Kampus Lestari.

**27
MEI
2021**



Sila layari

https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1960912&fbclid=IwAR2KLM2GYstSAp0bzf_oOKWI_WmC3OIvZ7dJSDQleDAf2I-tAPzC3T4xxJO

Buletin

JANUARI - MEI 2021

#SCOgogreen #UTHMgreencampus

HEBAHAN HIJAU 07/2021: 3 LANGKAH PENJIMATAN ELEKTRIK DAN AIR SEBELUM MENINGGALKAN PEJABAT

3 Langkah Penjimatan Elektrik Dan Air Sebelum Meninggalkan Pejabat Berikutan Penutupan Seluruh Premis Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**31
MEI
2021**

3 LANGKAH PENJIMATAN ELEKTRIK DAN AIR

SEBELUM MENINGGALKAN PEJABAT
BERIKUTAN PENUTUPAN SELURUH PREMIS
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA


1

**TUTUP SUIS
LAMPU DAN
PENYAMAN
UDARA**




2

**CABUT SOKET
PERALATAN
ELEKTRIK /
ELEKTRONIK**



3

**TUTUP
PAIP AIR**



www.sco.uthm.edu.my



Sustainable Campus Office-SCO



**Pejabat
Kampus
Lestari**

Universiti
Tun Hussein Onn
Malaysia